

BAB I

PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan secara ringkas tujuan, bidang serta kepentingan kajian. Metodologi yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian juga diuraikan.

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah mengenai mahasiswa India di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini akan mengenalpasti masalah sosio-ekonomi golongan siswa-siswi India di Universiti Malaya.

Sejumlah 8,903 pelajar mengikuti kursus ijazah pertama di Universiti Malaya pada tahun 1989. Mereka ini terdiri dari 5,063 pelajar Melayu, 155 pelajar dari Sabah, 87 pelajar Sarawak, 6 orang pelajar Asli, 2,766 pelajar Cina dan 736 orang pelajar India. Jadual di bawah menggambarkan pembahagian pelajar-pelajar ini.

Jadual 1.1

Pembahagian Pelajar-Pelajar Ijazah Pertama
Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	%
Melayu	5,063	56.87
Bumi Sabah	155	1.74
Bumi Sarawak	87	0.98
Orang Asli	6	0.07
Cina	2,766	31.07
India	736	8.27
Lain-lain	77	0.86
Asing	4	0.04
Penduduk Tetap	9	0.10
Jumlah	8,903	100.00

Sumber : Laporan Tahunan Ke-41 1989-90, Universiti
Malaya.

Dari jadual 1.2 di atas, jelas bahawa pelajar India tidak ramai bilangannya jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Mereka membentuk hanya 8.27% dari keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus ijazah pertama. Secara keseluruhannya, angka ini tidak menggambarkan bahagian mereka dalam jumlah penduduk negara.

Dr. T. Marimuthu pernah menyatakan bahawa ramai para pelajar India di Malaysia menolak tawaran kemasukan ke universiti kerana masalah kewangan.¹

Beberapa rangkaian persoalan dapat dikemukakan berhubung dengan hal ini. Antaranya ialah mengapakah keadaan seumpama itu berlaku? Selain daripada persoalan ini, terdapat pula serangkaian persoalan lain. Umpamanya, mengapakah darjah penglibatan para pelajar India dalam bidang pengajian tinggi amat rendah? Mengapakah kadar penglibatan masyarakat India dalam sektor Ikhtisas semakin menurun?

Itulah di antara persoalan yang akan cuba dikupas dalam kajian ini. Penjelasannya, walaupun mungkin tidak lengkap, akan sedikit sebanyak memberi panduan di dalam merencanakan rancangan dan membantu mengembangkan penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi dan sosial.

Justeru itu, kajian ini bercadang untuk meneliti masalah-masalah tersebut. Perkara-perkara yang akan

¹Tamil Nesan, 17hb Julai 1991.

dikaji ialah apakah faktor ekonomi yang dominan yang menjadi punca masalah ini. Di samping itu, pengkaji cuba melihat faktor-faktor yang menjadi batu penghalang kepada taraf pencapaian pendidikan mereka.

Selain dari itu, kajian ini juga cuba melihat inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh pihak-pihak tertentu selama ini dalam usaha mengatasi masalah-masalah tersebut.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sejauhmana masalah ini memberi kesan ke atas pencapaian pendidikan pelajar-pelajar India secara keseluruhannya.

1.2 Tempat Kajian

1.2.1 Sejarah Perkembangan Universiti Malaya

Universiti Malaya terletak di sebuah kawasan seluas 303.52 hektar tanah yang berbukit di pinggir kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Ia merupakan universiti yang tertua sekali di Malaysia dan telah ditubuhkan pada 1hb Januari 1962. Sebagai Universiti Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu, menggantikan Universiti Malaya yang sebelum itu mempunyai dua kampus, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Singapura.

1.2.2 Perangkaan Pelajar

Jumlah pelajar Universiti Malaya keseluruhannya pada sesi 1989/90 adalah seramai 12,324 orang. Jumlah ini termasuk pelajar-pelajar yang membuat kursus pra-Akademi Islam, Asasi Sains, Pra-Perakaunan, Pra-Inggeris (TESL), Rancangan Asasi Inggeris, Ijazah Pertama, Ijazah Tinggi, Diploma. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan komposisi pelajar-pelajar tersebut.

Jadual 1.2

Taburan Pelajar Mengikut Kursus

Kursus	Jumlah	Peratus
Pra Akademi Islam	237	1.92
Asasi Sains	1,222	9.92
Pra Perakaunan	113	0.92
Pra Inggeris (TESL)	81	0.66
Rancangan Asasi Inggeris	14	0.11
Ijazah Pertama	8,903	72.24
Ijazah Tinggi	1,066	8.65
Diploma	632	5.13
Pemerhati	56	0.45
Jumlah	12,324	100.00

1.3 Penulisan Mengenai Masyarakat India di Malaysia

Umumnya, terdapat banyak karya dan penulisan mengenai masyarakat India di Malaysia. Umpamanya, usaha K.S. Sandhu,² U. Mahajani,³ R. Ampalavanar,⁴ S. Arasaratnam⁵ dan lain-lain lagi.

Namun demikian, terdapat juga penulisan-penulisan mengenai sosioekonomi masyarakat India. Misalnya, usaha Gunawan Basuki,⁶ Vadivelloo Anumanthan,⁷ K. Rajoo⁸ dan lain-lain lagi.

²K.S. Sandhu, Indians in Malaya : Some Aspects Of Their Immigration And Settlement 1786-1957. London, Cambridge University Press. 1969.

³U. Mahajani, The Role Of Indian Minorities In Burma And Malaya. Bombay, Vora. 1960.

⁴R. Ampalavanar, Social And Political Developments In The Indian Community In Malaya (1920-1941). M.A. Thesis University of Malaya. 1969.

⁵S. Arasaratnam, Indians in Malaysia and Singapore. London, Oxford University Press, 1970.

⁶Gunawan Basuki. The Plight Of The Plantation Workers In West Malaysia With Special Reference To Indian Labour. Amsterdam, Universiteit Van Amsterdam, 1977.

⁷Vadivelloo Anumanthan, Poverty In The City : With Special Reference To Indians. Faculty of Law, University of Malaya, Kuala Lumpur. 1982.

⁸K. Rajoo. Politics, Ethnicity, Strategies Of Adoption In An Urban Indian Squatter Settlement In Peninsular. 1985.

Sungguhpun para pelajar dan mahasiswa diakui amat penting kepada pembangunan sesuatu bangsa dan negara, kajian mengenai para pelajar dan pendidikan kaum India masih lagi merupakan satu bidang yang belum diteroka secara ilmiah. Di antara penulisan yang ada itu termasuklah apa yang diusahakan oleh Marimuthu.⁹

Tulisan Marimuthu ini memokaskan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak pekerja-pekerja estet di seluruh Semenanjung Malaysia. Beliau cuba membincangkan mengenai penglibatan, pencapaian dan prestasi yang rendah kalangan anak-anak pekerja ladang.

T. Marimuthu, memulakan kajian berdasarkan definisi yang dibuat oleh Mortimore dan Blackstone (1982) mengenai 'educational disadvantage.'

- i) Those who are denied equal access to educational opportunity in terms of type of school, resources, teachers or curriculum.
- ii) Those who, despite performing well in school, leave at the

⁹Marimuthu, "Schooling As A Dead End : Education For The Poor Especially The Estate Children." Husin Ali (Ed.) Ethnicity Class And Development.

earliest opportunity.

- iii) Those who underachieve or who perform less well than they might because a variety of social and environmental factors result in their being unable to take advantage of educational opportunities.

Menurut T. Marimuthu, pencapaian prestasi pendidikan kanak-kanak ditentukan oleh beberapa faktor. Faktor yang amat penting pula ialah kebolehan kanak itu sendiri, suasana ataupun persekitaran di rumah dan kualiti sekolah yang dimasuki oleh anak murid itu.

1.4 Metodologi Dan Pemilihan Responden

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah-kaedah yang berikut:

- i) Pemerhatian ikut serta
- ii) Soal selidik
- iii) Temuramah
- iv) Penyelidikan perpustakaan
- v) Pengutipan data dari sumber-sumber rasmi

Antara kelima-lima kaedah yang digunakan, pengkaji mendapati bahawa kaedah soal-selidik merupakan kaedah yang paling efektif untuk mendapatkan data primer. Walaubagaimanapun, kaedah-kaedah lain juga sama pentingnya di dalam menjayakan kajian ini.

1.4.1 Pemerhatian Ikut Serta

Pemerhatian ikut serta dilakukan untuk memperolehi data-data mengenai kehidupan pelajar di Universiti Malaya. Pengkaji telah dapat melihat dan memahami serba sedikit tentang keadaan sebenar yang wujud di kawasan kajian. Pengkaji sendiri merupakan salah seorang mahasiswa Universiti Malaya. Jadi, hal ini telah memudahkan kerja pengkaji untuk memerhatikan segala gerak-geri dan tingkah-laku mahasiswa.

1.4.2 Soal Selidik

Soal selidik yang dikemukakan kepada responden merangkumi berbagai-bagai aspek, bermula dengan sejarah kehidupan responden serta anggota keluarga, pendapatan keluarga dan sebagainya yang dianggap relevan bagi pengumpulan data mengenai kedudukan sosio-ekonomi golongan ini.

Soalan-soalan yang dikemukakan berbentuk terbuka dan juga tertutup. Pengkaji telah memajukan soalan-soalan dan mencatatkan segala jawapan yang diberi oleh responden pada masa itu juga.

1.4.3 Temuramah

Pengkaji telah menggunakan kaedah temuramah ke atas dua orang pelajar yang dianggap boleh memberi maklumat penting di dalam skop kajian ini. Mereka adalah seperti Presiden Persatuan Hindu, Universiti Malaya dan Presiden Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya. Temuramah dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai pandangan mereka ke atas isu pendidikan di kalangan masyarakat India.

Di samping itu, temuramah diadakan dengan enam responden untuk mencari dan mencungkil maklumat-maklumat yang dianggap oleh responden sebagai rahsia. Melalui cara ini, responden tidak terasa ianya menjawab soalan tetapi merasai seolah-olah ia sedang bercerita dan oleh yang demikian merasa lapang dan lebih selesa memberi jawapan kepada hal-hal yang sensitif.

1.4.4 Penyelidikan Perpustakaan

Kaedah ini dijalankan dengan tujuan mendapat satu gambaran yang lebih jelas untuk memahami kehendak kajian dan sebagai panduan untuk membentuk struktur soalan penyelidikan yang sesuai. Ia juga dijalankan untuk memahami konsep-konsep yang perlu dijelaskan.

Selain daripada itu, kaedah ini juga digunakan dalam menjalankan perbandingan antara kajian-kajian lepas yang telah dilakukan dalam bidang yang sama.

1.4.5 Pengutipan Data Dan Sumber Rasmi

Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang bercorak kuantitatif seperti bilangan pelajar dan data-data ini diperolehi dari Unit Perhubungan Awam, Unit Pentadbiran Awam Universiti Malaya dan Jabatan Pendidikan.

1.4.6 Pemilihan Responden

Responden dipilih dengan berdasarkan kepada dua cara pemilihan yang terdapat dalam kaedah penyelidikan sosial iaitu secara persampelan probabiliti dan persampelan bukan probabiliti (Bailey 1984 : 133)

Seramai 70 orang telah dipilih sebagai sampel responden. Mereka terdiri daripada pelajar India dari pelbagai Fakulti seperti Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian, Kejuruteraan, Fakulti Sains, Fakulti Undang-undang, Fakulti Ekonomi dan akhirnya Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Proses pemilihan sampel ini adalah bergantung kepada dua faktor, iaitu:-

- i. Faktor fakulti dan kursus juga harus dibezakan supaya hanya pelajar Ijazah Pertama yang dipilih menjadi responden. Umpamanya, di sebuah fakulti terdapat pelajar-pelajar yang membuat kursus Ijazah Tinggi, Ijazah Pertama, Diploma dan Asasi.
- ii. Bilangan pelajar India adalah lebih ramai di sesebuah fakulti, maka, bilangan responden yang dipilih adalah lebih. Misalnya, bilangan pelajar India di Fakulti Sastera adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan Fakulti Perubatan atau Undang-undang. Maka, kuantiti responden yang dipilih dari Fakulti Sastera adalah lebih ramai bilangannya dari Fakulti Perubatan.

Dengan demikian, cara pemilihan sampel ini terpaksa dibahagikan kepada beberapa peringkat. Pada mulanya,

pelajar Asasi, pelajar Sarjana Tinggi dipisahkan dari pelajar fakulti sebelum pemilihan dilakukan. Pelajar Cina dan Melayu juga dipisahkan daripada pelajar. Ini dilakukan supaya kaedah random sampling dapat dijalankan.

Secara ringkasnya, kaedah-kaedah yang berikut telah digunakan dalam proses pemilihan responden.

i) Stratified Random Sampling

Kaedah ini dijalankan dengan memisahkan unsur-unsur penduduk ke dalam kelompok yang tidak bertindih yakni yang dinamakan strata dan sebelum sampel rawak mudah daripada tiap-tiap strata itu dipilih (Bailey 1984:139).

Maka, pelajar-pelajar Asasi, Sarjana Tinggi dan Diploma dipisahkan daripada pelajar-pelajar Kursus Ijazah Pertama sebelum dilakukan sample random sampling. Pelajar fakulti juga dipisahkan mengikut kelompok etnik dan kursus. Ini dilakukan supaya responden dari golongan ijazah pertama yang berlainan mendapat probabliti untuk dipilih. Ini bermakna, pelajar-pelajar India dipisahkan berdasarkan fakulti dan kursus supaya responden dari fakulti berlainan mendapat probabliti untuk dipilih.

Setelah pelajar-pelajar dipisahkan ke dalam kategori masing-masing, sample random dilakukan untuk mendapatkan bakal respondennya.

ii) Persampelan Dimensi

Persampelan jenis ini adalah persampelan jenis kuota yang mempunyai berbagai dimensi ataupun pembolehubah yang hendak dikaji itu terdapat dalam suatu kependudukan atau sampling frame. (Bailey 1984 : 146-147).

Dalam kaedah ini, pengkaji telah memastikan bahawa setiap fakulti diwakili oleh sekurang-kurangnya seorang responden. Misalnya, Fakulti Perubatan mempunyai pelajar India yang sedikit jika dibandingkan dengan Fakulti Sastera. Maka responden dari fakulti Sastera adalah lebih dipilih.

iii) Persampelan Purposif

Pengkaji juga menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat, samada melalui soal selidik ataupun melalui temu-ramah. Dalam persampelan ini, pengkaji menggunakan pertimbangan sendiri untuk memilih responden dan hanya memilih responden yang paling sesuai dengan tujuan kajiannya.

Kelebihan persampelan ini ialah pengkaji boleh menggunakan kemahiran penyelidikannya dan pengetahuannya yang lalu untuk memilih responden. (Bailey 1984:148).

Maka, berdasarkan proses pemilihan responden tersebut 70 orang pelajar India telah dipilih sebagai responden untuk kajian ini. Mereka yang dipilih ialah pelajar Ijazah Pertama dari pelbagai fakulti. Jadual 1.3 di bawah menggambarkan jumlah pelajar Ijazah Pertama dan bilangan responden yang dipilih.

Jadual 1.3

Taburan Pelajar India Yang Mengikuti Kursus Ijazah Pertama Pada Sesi 1989/90

Kursus	Bilangan Pelajar India	Jumlah Responden
Ekonomi	111	15
Kejuruteraan	64	5
Pergigian	17	5
Perubatan	80	5
Sains	218	15
Sastera	227	20
Undang-undang	36	5
Pendidikan	3	-
Jumlah	736	70

Sumber : Laporan Tahunan Ke-41, Universiti Malaya.

1.5 Masalah Dan Kesulitan Dalam Kajian

Berbagai masalah telah dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini. Masalah utama ialah masalah kekurangan masa. Masalah ini timbul kerana pengkaji terpaksa menukar tajuk kajian pada saat-saat yang terakhir disebabkan oleh kekurangan dan ketidaklengkapan data yang diperolehi dari hasil kajian yang pertama. Oleh kerana dimulakan agak lewat dari yang sepatutnya, maka satu penyelidikan yang lebih terperinci tidak dapat dijalankan. Dengan itu, pengkaji terpaksa bergantung kepada apa yang dapat diperolehi dalam satu jangkamasa yang pendek.

Responden yang tidak serius juga merupakan satu masalah kepada kajian ini. Ini berlaku apabila responden tidak menjawab dengan secara ikhlas dan menganggap temuramah sebagai main-main sahaja. Ini menjejaskan ketepatan hasil kajian yang diperolehi. Tambahan lagi, ada terdapat responden yang memberikan maklumat yang tidak benar dan juga merahsiakan setengah-setengah pendapat yang diperlukan dan tidak ingin bekerjasama dengan mengamalkan sikap neutral.

Satu lagi masalah rumit yang dihadapi ketika menjalankan kajian ini ialah mendapatkan maklumat resmi. Ini disebabkan oleh kerana kajian ini dilakukan berdasarkan

kepada sesi semasa dan maklumat-maklumat mengenai jumlah penuntut Universiti Malaya sukar untuk diperolehi. Masalah ini timbul kerana maklumat mengenai jumlah penuntut masih belum lagi dikeluarkan. Menurut Penolong Pendaftar, Unit Perhubungan Awam, data-data sesi 1990/91 akan diedarkan hanya selepas Mesyuarat Tahunan Universiti Malaya. Sehingga ke tarikh laporan Latihan Ilmiah ini ditulis, maklumat berkenaan masih belum lagi dapat diperolehi dan faktor inilah yang menghindarkan pengkaji daripada menyelesaikan penulisan hasil kajian dengan lebih awal.

